

Harapan umum Mahathir calon Perdana Menteri

SINAR HARIAN

07 JANUARI 2018

WARTAWAN SINAR HARIAN

SHAH ALAM – Pakatan Harapan hari ini mengumumkan Pengerusi Bersatu, Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai calon Perdana Menteri jika gabungan parti itu menang pada PRU14 akan datang.

Pengumuman itu dibaca Ketua Setiusaha Harapan, Datuk Saifuddin Abdullah dalam pengumuman khas sebentar tadi pada Konvensyen Pakatan Harapan 2018 di sini, hari ini.

Harapan turut mengumumkan pengaihan kerusi Parlimen di Semenanjung yang melibatkan 165 kerusi iaitu Bersatu 52 kerusi, PKR (51), DAP (37) dan Amanah (27).

MENGHARGAI bahawa Pakatan Harapan adalah sebuah gabungan besar (grand coalition) parti-parti politik yang menggandingkan dua tokoh negarawan ulung, iaitu Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Pengerusi dan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Ketua Umum dalam rangka menyempurnakan legasi misi tertangguh, maka Pakatan Harapan dengan penuh sukacita dan ta'zimnya mengumumkan:

1. Yang Amat Berbahagia Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai calon Perdana Menteri dan Yang Berhormat Datuk Seri Dr Wan Azizah binti Datuk Dr Wan Ismail sebagai calon Timbalan Perdana Menteri apabila Pakatan Harapan mendapat mandat rakyat untuk membentuk Kerajaan Persekutuan selepas Pilihanraya Umum ke-14;
2. Untuk memperkukuh kepimpinan kerajaan Pakatan Harapan dan memperteguh muafakat antara parti-parti anggota, proses undang-undang untuk mendapatkan Pengampunan Diraja bagi membebaskan Datuk Seri Anwar Ibrahim akan dimulakan segera, selepas Pakatan Harapan mengambil alih pentadbiran negara, agar Datuk Seri Anwar

© 2017 All Rights Reserved •Karangkraf Group Media • © 2017 Hakcipta
Terpelihara • Kumpulan Media Karangkraf

Source: <http://www.sinarharian.com.my/politik/harapan-umum-mahathir-calon-perdana-menteri-1.780212>